

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 30 / 5 / 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 31 | RUANGAN | Malay |

272 ikuti seminar UPSR Kelab TaHa

» Guru pakar BH Didik perjas pelbagai maklumat terkini

Oleh Azlan Hafeedz

bhkb@mediaprima.com.my

▪ Machang

Seramai 272 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2013 anjuran Kelab TaHa, Tabung Haji (TH) dengan kerjasama Unit Pendidikan BH di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Machang (SMKBM) di sini.

Seminar sehari itu memfokuskan tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik yang dikendalikan guru pakar sebagai persediaan murid menduduki ujian berkenaan, September ini.

Tanggungjawab sosial

Pengarah TH Kelantan, Mohd Nasir Mohd Yusoff, berkata seminar itu sebahagian daripada tanggungjawab sosial pihaknya terutama mereka yang mempunyai akaun simpanan dengan TH, sekali gus layak menikmati kemudahan ditawarkan Kelab TaHa.

"Antaranya, menyertai seminar pendidikan, diskaun di kedai terpilih, hadiah kecemerlangan murid dan pelajar, biasiswa dan program khas untuk murid miskin," katanya.

Murid Sekolah Kebangsaan (SK) Hamzah (2), Hood Haqqi Mohd Azlan, 12, berkata banyak pengalaman diperoleh terutama membabitkan teknik mema-

hami dan menjawab soalan.

"Saya yakin untuk mendapat keputusan cemerlang selepas mendapat tunjuk ajar daripada guru pakar dan baki beberapa bulan lagi ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk terus mengulang kaji pelajaran," katanya.

Ketua Pengawas SK Machang (2), Amira Nadia Holek, 12, berkata penerangan yang diberikan guru pakar menambahkan lagi keyakinannya untuk menduduki UPSR.

"Tidak rugi saya dan rakan-rakan membuka akaun Kelab TaHa kerana dapat menyertai seminar pendidikan secara percuma.

"Selain mengulang kaji pelajaran, kita juga perlu fokus dalam kelas sambil menggunakan panduan diberikan guru pakar supaya dapat menguasainya dengan baik," katanya.

“

Saya yakin untuk mendapat keputusan cemerlang selepas mendapat tunjuk ajar daripada guru pakar”

Hood Haqqi,
Murid SK Hamzah (2)

BERITA HARIAN

ILMU DAN MAKLUMAT

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 30 / 5 / 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 31 | RUANGAN | Malay. |



Murid SK Hamzah (t), Nurhidayati Norazi, 12 (kanan) **mencuba menjawab soalan yang diberikan penceramah.**



Mohd Nasir menyampaikan **sijil penyertaan kepada Hood Haqqi** sempena Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR 2013 anjuran Kelab TaHa, TH, di Machang, Kelantan, baru-baru ini.

[FOTO AZLAN HAFEEDZ/ BH]